

## PANDUAN MENUNAIKAN SOLAT DAN PEN- JAGAAN AURAT BAGI PESAKIT DI HOSPITAL

Jika anda ingin menunaikan solat, PASTIKAN:

- I. Diri dan pakaian anda bersih dari najis dan anda telah berwudhuk.
- II. Jika anda mengalami kesukaran untuk menunaikan wudhuk atau bertayammum, minta bantuan dari waris anda atau jururawat yang sama jantina.
- III. Pakai pakaian yang bersih, selesa dan menutup aurat.
  - ◆ Bagi pesakit lelaki:
    - ▶ Walaupun aurat anda hanya sekadar pusat hingga lutut, anda hendaklah mempunyai adab dalam berpakaian lebih-lebih lagi ketika menunaikan solat.
    - Memakai seluar panjang atau kain pelikat.
    - Memakai baju yang bersesuaian.
    - ◆ Bagi pesakit wanita:
      - ▶ Gunakan pakaian yang sedia ada (menutup aurat) untuk solat.
      - ▶ Memakai sarung lengan.
      - ▶ Gunakan stoking kaki yang tebal ataupun labuhkan sedikit kain yang anda pakai bagi menutup kaki anda ketika solat.
- IV. Pastikan tempat solat anda berada dalam keadaan yang bersih.
  - Sekiranya terdapat kesan darah atau lendir di atas katil yang anda duduk, tutup kawasan yang terkena darah tersebut dengan kain yang bersih seperti selimut, tuala ataupun kain batik.

## Panduan Menunaikan Solat Jika Anda Salah Seorang Pesakit yang Mengalami Patah Kaki atau Patah Tangan;


1. Ambil wudhuk seperti biasa jika anggota badan anda masih boleh terkena air.
2. Minta bantuan waris atau jururawat yang sama jantina jika anda mengalami kesukaran untuk mengambil wudhuk secara sendirian.
3. Jika tangan atau kaki anda berbalut, ambil wudhuk seperti biasa pada anggota wudhu' yang boleh terkena air dan sapu di bahagian berbalut itu dengan air.
4. Memakai pakaian yang menutup aurat selagi termampu.
5. Anda dinasihatkan untuk memakai pakaian yang berlelgan panjang ataupun sarung lengan bagi menutup kawasan yang tidak berbalut (pesakit wanita).
6. Jika anda mengalami masalah patah kaki, anda dinasihatkan untuk memakai seluar panjang atau kain yang labuh dan tebal bagi mengelakkan aurat anda terdedah ketika anda sedang solat lebih-lebih lagi dengan kaki yang tergantung.
7. Pakai sarung kaki di sebelah kaki yang sihat ataupun tutup bahagian kaki tersebut dengan tuala atau selimut bagi pesakit wanita.
8. Seandainya anda ditemani waris ketika berada di hospital, anda boleh meminta mereka untuk menjaga aurat anda ketika sedang solat lebih-lebih lagi jika anggota badan anda yang patah itu dalam keadaan tergantung.



TERBITAN  
2015



## AURAT PESAKIT



### FIRMAN ALLAH S.W.T

***“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenali (sebagai perempuan yang baik-baik), maka dengan itu mereka tidak diganggu dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.***

**(Surah Al-Ahzab : Ayat 59)**

Disediakan oleh :

**Unit Hal Ehwal Islam  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang  
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507**

**SILA LETAKKAN RISALAH INI  
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA**

## PENGENALAN...

⇒ Kesihatan merupakan pemberian Allah S.W.T yang tidak ternilai harganya. Namun demikian, manusia seringkali mengambil mudah nikmat yang istimewa ini.



### SABDA RASULULLAH S.A.W

*“Dua nikmat yang sering diabaikan oleh kebanyakan manusia, iaitu nikmat kesihatan dan masa lapang”.*

(Hadis

Riwayat At-Tirmizi)

⇒ Di saat kesakitan ini jualah, kita dilatih supaya lebih bersyukur dan redha dengan segala ketentuannya dan melalui kesakitan ini juga, kita akan lebih menghargai betapa indahnya nikmat kesihatan itu.

⇒ Islam merupakan agama yang indah. Salah satu daripada keindahan Islam itu adalah ‘mempermudahkan’ amalan menunaikan ibadah dalam apa jua keadaan sekalipun.

⇒ Namun, kesakitan atau keuzuran yang dihadapi bukanlah alasan untuk kita meninggalkan suruhanNya atau bebas membuka aurat. Islam banyak memberi kelonggaran kepada mereka yang sakit untuk menunaikan ibadah.

## PENJAGAAN AURAT BAGI PESAKIT KETIKA BERADA DI HOSPITAL

- \* Sepertimana yang diketahui aurat bagi lelaki adalah dari kawasan pusat hingga ke paras lutut, manakala aurat wanita pula adalah seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan.
  - \* Akan tetapi, kebanyakan pesakit Islam seolah-olah tidak ambil peduli dengan aurat mereka yang terdedah ketika berada di hospital.
  - \* **Bagi pesakit lelaki**, penjagaan aurat adalah lebih mudah. Namun begitu, ada segelintir pesakit membiarkan saja kain mereka terselak sehingga menampakkan bahagian paha mereka.
  - \* Sebagai peringatan, anda dinasihatkan untuk memakai pakaian yang sopan dan elakkan dari mendedahkan aurat anda atau bahagian atas badan anda kerana ia akan mengundang perasaan yang kurang enak kepada pelawat-pelawat yang datang ataupun Doktor yang merawat anda.
  - \* **Bagi pesakit wanita** pula, anda perlu berhati-hati dalam memilih pakaian agar aurat anda masih terpelihara, walaupun anda sedang sakit.
  - \* Seelok-eloknya, pakai pakaian yang selesa, kemas, longgar dan yang paling penting sekali adalah menutup aurat. Kerana di samping menutup aurat, anda boleh mengenakan pakaian yang anda pakai untuk menunaikan solat tanpa perlu memakai telekung bagi pesakit wanita.
- ◇ Di samping itu, anda dinasihatkan untuk memakai tudung sepanjang masa walaupun anda berada di dalam wad yang kesemuanya wanita, kerana besar kemungkinan;
- doktor atau jururawat yang akan merawat anda adalah dari kalangan **lelaki** dan kebanyakan dari doktor terbabit adalah dari kalangan **bukan Islam**.

- Begitu juga dengan pelawat lelaki yang akan menziarahi anda atau saudara-mara mereka di wad terbabit.

◇ Apabila seseorang pesakit wanita itu dirawat oleh seorang doktor lelaki dan doktor tersebut meminta anda untuk menyentuh bahagian badan (aurat) anda seperti bahagian perut anda, pastikan anda ditemani oleh jururawat wanita bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diinginkan.

◇ Sebagaimana yang diketahui, hospital merupakan kawasan yang umum dan wad yang menempatkan pesakit biasanya menjadi kawasan lalu-lalang jururawat, doktor, mahupun pelawat. Lebih-lebih lagi di hospital ini. Pesakit yang ada, jumlahnya agak ramai dan yang menjadi pemisah antara katil pesakit tersebut hanyalah kerusi dan tirai.

◇ Ramai dari kalangan wanita yang baru melahirkan anak, memandang remeh tentang penutupan aurat. Lebih-lebih lagi ketika menyusukan anak. Walaupun ada yang bertudung, tetapi tudung tersebut pendek dan tidak mampu menutup bahagian aurat tersebut (kawasan payudara).

◇ Memakai baju yang berbutang atau berzip di bahagian atas bagi memudahkan anda menyusukan anak. (Breastfeeding free)

◇ Hadirkanlah perasaan malu dalam diri anda dengan memakai tudung kepala yang labuh melebihi paras dada bagi menutup kawasan payudara anda ketika sedang menyusukan anak.

- Islam agama yang mudah. Elakkanlah diri anda dari mencemarkan agama Islam itu dengan sikap anda yang tidak menutup aurat, tidak bersolat dan seterusnya mengundang persepsi negatif kepada pesakit yang bukan Islam tentang keindahan Islam itu